

CIRI-CIRI PERSONALITI BAPA YANG DIHARAPKAN OLEH ANAK-ANAK DALAM KELUARGA

Izzah Nur Aida Zur Raffar, Salasiah Hanin Hamjah

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
izzahmujahidah@yahoo.com.my

Diterima 09 April 2019 | Direview 22 Desember 2019 | Diterbitkan 30 Desember 2019

Abstract:

Father as a head of family having a great responsibility should be an example to children and wife. However, lately father has tended to be linked to bad personalities such as bad temperament, incest, physical abuse, neglecting of living, unfairness, lacking of concern for the development of children and so on that all of these problems affect these children badly. This study was conducted to examine the characteristics of the father's personalities expected by the children in the family. The design of this study is a survey of 454 form fourth grade students who are chosen randomly (fishbowl draw). These data use descriptive statistical techniques using SPSS version 22. It showed that the majority of the children expected their father to spend time together such as traveling and eating with the family (mean = 3.75), a loving father (mean = 3.74), father who is fair to his children (mean= 3.70). The implications of the study can help the father to know the perceptions and expectations of the children and then strives to be a good father in the family. This study is useful for responsible parties such as LPPKN, Welfare Department and so on in managing the family affairs program in Malaysia

Keywords: Expectation, Personality, Father, Children, Family

Abstrak

Bapa sebagai ketua keluarga mempunyai tanggungjawab yang besar seharusnya menjadi contoh kepada anak-anak dan isteri. Namun, pelbagai krisis yang berlaku dalam konteks kekeluargaan masa kini cenderung dikaitkan dengan isu personaliti bapa yang tidak baik dalam keluarga seperti panas baran, sumbang mahram, penderaan, pengabaian nafkah, tidak adil, kurang pribatin perkembangan anak dan sebagainya yang akhirnya kesemua masalah ini memberi kesan yang buruk kepada anak-anak. Persoalan seperti apakah ciri-ciri personaliti bapa yang diharapkan menurut perspektif anak-anak wajar diberi perhatian sebagai langkah mengatasi isu ini. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji ciri-ciri personaliti bapa yang diharapkan oleh anak-anak dalam

keluarga. Desain bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan terhadap 454 pelajar sekolah tingkatan 4 yang dipilih secara acak (fishbowl draw). Data dianalisis dengan teknik statistik deskriptif menggunakan SPSS version 22. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti anak-anak berharap agar bapa mereka meluangkan masa bersama dengan cara membawa berjalan jalan dan makan sepuasnya bersama keluarga ($mean=3.75$), bapa yang penyayang ($min=3.74$), bapa bersikap adil antara adik-beradik yang lain ($min=3.70$). Implikasi kajian dapat membantu bapa mengetahui persepsi dan harapan anak-anak seterusnya berusaha menjadi bapa yang baik dalam keluarga. Kajian ini dapat memberi sumbangan ilmu kepada pihak bertanggungjawab seperti LPPKN, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sebagainya dalam menguruskan program hal ehwal kekeluargaan di Malaysia

Kata kunci: Harapan, Personaliti, Bapa, Anak-anak, Keluarga

Pendahuluan

Personaliti bapa yang baik merupakan aspek yang penting dalam pembinaan sebuah keluarga yang bahagia. Pemerhatian terhadap hasil kajian lepas membuktikan personaliti bapa dapat memberikan kesan positif kepada perkembangan anak-anak¹, hubungan dan ikatan yang wujud di antara bapa dan anak sejak awal tahun kehidupan anak akan mempengaruhi perkembangan sosial, emosi dan kognitif anak. Contohnya, penglibatan ibu bapa yang tinggi dalam asuhan dapat meningkatkan perasaan penerimaan, malah hubungan yang positif antara ibu bapa dengan anak berupaya mengurangkan tingkah laku antisosial dalam kalangan anak-anak.² Aspek ini dalam kajian yang telah dijalankan didapati komunikasi antara ibu bapa dan anak yang baik, suasana keluarga yang tenteram dan beberapa ciri asuhan *authoritatif* yang baik akan menghasilkan remaja yang bersikap positif seperti lebih bertanggungjawab, yakin, kreatif, ada daya ingin tahu, pandai bergaul dan berjaya.³

Berdasarkan kajian di atas menunjukkan aspek komunikasi sangat penting dalam hubungan kekeluargaan serta gaya asuhan bapa terbaik jenis

¹ Broberg, G. C., "Fatherhood: Rediscovered in Empirical Research," *Family Perspective* 22 (n.d.): 75–85.

² Culp, R.E., Schadle, S., Robinson, L., & Culp. A.M, "Relations Among Parental Involvement and Young Children's Perceived Self Competence and Behavioral Problems," *Journal of Child and Family Studies*, 1, 9 (n.d.): 27–38.

³ Clark, M. R, *Family Life and School Achievement: Why Poor Black Children Succeed or Fail*. Dlm. A. T. Henderson & N. Berla (Pnyt.), *A New Generation of Evidence: The Family Is Critical to Student Achievement*. (New York: National Committee for Citizen in Education., 1994).

autoritatif dapat membentuk tingkah laku anak yang positif, anak bersifat daya saing sosial dan melahirkan keluarga yang sejahtera. Selain itu, personaliti ibu bapa juga didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan estim kendiri, struktur personaliti dan ciri psikososial remaja,⁴ lebih tinggi kualiti dan kuantiti penglibatan ibu bapa dalam mendidik anak, lebih tinggi kefungsian anak terutamanya anak lelaki. Lebih tinggi tahap penglibatan bapa, lebih tinggi skor mental dan adaptasi sosio-emosi anak-anak. Manakala, cara ibu bapa berinteraksi, menilai dan menghargai anak-anak akan memberi kesan yang mendalam terhadap pembentukan konsep kendiri mereka.⁵ Dalam kajian pula menunjukkan bahawa pembentukan personaliti Islamik dalam kalangan anak-anak secara umumnya dipengaruhi oleh pengamalan gaya keibubapaan *authoritatif*.⁶

Personaliti bapa menerusi pengamalan gaya asuhan *mahmudah* turut dikaitkan dengan pencapaian positif akademik anak-anak⁷. Dalam kajian tersebut juga mendapati bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai hubungan baik dengan bapa mereka menunjukkan prestasi baik dalam pelajaran, lebih berminat untuk belajar dan mendapat gred yang baik dalam peperiksaan. Telah menjalankan kajian bagi mengenalpasti perkaitan antara penglibatan bapa dalam pendidikan anak dan pencapaian akademik di kalangan anak-anak mereka.⁸ Kajian telah dijalankan terhadap 19 buah keluarga kaum asli Amerika yang mempunyai anak berumur antara 3 hingga 11 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai bapa yang memainkan peranan besar dalam mendidik didapati lebih berjaya dalam bidang akademik, mempunyai kefungsian sosioemosi yang lebih sihat dan beradaptasi dengan lebih baik dalam konteks sosial mereka. Dalam penglibatan dengan anak-anak mereka, didapati secara tidak langsung bapa menunjukkan model tingkah laku

⁴ Easterbrooks, M.A. dan Goldbergh, W: A, *Toddler Development in the Family: Impact of Father Involvement and Parenting Characteristics*, 1984.

⁵ Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari, *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku* (Universiti Teknologi Malaysia, 2010).

⁶ Nooraini Othman & Salasiah Khairollah, "Explorasi Hubungan Antara Personaliti Islamik Dan Gaya Keibubapaan," *International Journal of Islamic Thought* 4 (2013): 48–57.

⁷ Nurul Ain Hamsari & Azizi Yahaya, "Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik," *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 2012, 30–57.

⁸ Radin, N. Williams, E., dan Coggins, K, "Paternal Involvement in Childbearing and the School Performance of Native American Children: An Exploratory Study," *Family Perspective*, 4, 27 (1993): 375–91.

yang baik, memberi dorongan serta perangsang, dan pengharapan terhadap kejayaan anak.

Di samping itu, personaliti bapa dalam konteks pekerjaan juga memberi pengaruh kuat terhadap keluarga khususnya anak-anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa bapa yang berpengalaman positif dalam pekerjaan seperti mempunyai autonomi, terlibat dalam aktiviti sosial dengan rakan-rakan sekerja, dan persekitaran kerja selesa akan mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi. Pengalaman ini memberi kesan positif bukan sahaja terhadap kesejahteraan psikologi bapa semasa di tempat kerja tetapi juga mempengaruhi kehidupannya bersama keluarga.⁹ Tambahan pula, bapa yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi didapati lebih bersikap toleransi terhadap anak-anak dan kurang menggunakan kawalan psikologikal untuk mengawal anak-anak. Golongan bapa yang mempunyai status pekerjaan yang tinggi, mempunyai pengharapan yang tinggi terhadap kejayaan anak-anak.¹⁰ Mereka mengambil berat terhadap perkembangan sosioemosi anak dan memainkan peranan penting dalam mendidik anak. Jelas, personaliti bapa amat memberi pengaruh terhadap perkembangan anak-anak. Oleh itu, bapa perlu mengenal pasti personaliti *mahmudah* dan terpuji untuk diamalkan agar kesejahteraan keluarga dapat dicapai, seiring dengan harapan dan keinginan anak-anak terhadap bapa.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Seramai 454 orang pelajar tingkatan 4 di sekolah menengah kelolaan Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, Selangor telah dipilih secara rawak mudah menggunakan teknik *'Fishbowl Draw'* antara bulan Mac hingga Julai 2016. Sekolah di bawah kelolaan Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat dipilih kerana mempunyai jumlah sekolah yang lebih banyak berbanding daerah lain di Selangor. Lima buah sekolah menengah yang dipilih menerusi teknik rawak mudah (*fishbowl draw*) tersebut adalah Sekolah Agama Menengah Hulu Langat Batu 10 Cheras, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah Jalan Cheras Kajang, Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko Kajang, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tasik Jalan Tasik Tambahan Ampang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Seri Putera Persiaran Seri Putera Kajang. Data yang diperoleh melalui borang soal selidik dianalisis menggunakan *Statistic Package for Social Sciences* (SPSS) version 22. Teknik analisis

⁹ Grimm-Thomas, K. dan Perry-Jenkins, M, "Job Experiences, Self-Esteem, and Fathering in Working-Class Families," *Family Relationship*, n.d., 174–81.

¹⁰ Radin, N. Williams, E., dan Coggins, K, "Paternal Involvement in Childbearing and the School Performance of Native American Children: An Exploratory Study."

deskriptif digunakan untuk menganalisis data seterusnya diolah dalam bentuk jadual dan dipersembahkan mengikut nilai min, kekerapan dan peratus

Kajian rintis telah dijalankan untuk melihat kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 30 orang pelajar sekolah yang mewakili anak-anak telah dipilih. Data yang diperolehi dianalisa menggunakan ujian statistik untuk mendapatkan nilai *alpha cronbach*.

Jadual 1 Analisis kebolehpercayaan alat ukuran kajian

Bil.	Instrumen	Nilai <i>alpha (a)</i>	Tahap Kebolehpercayaan
1.	Ciri-ciri Personaliti Bapa yang diharapkan oleh Anak-anak	0.873	Baik

Hasil kajian rintis dalam jadual 1 di atas menunjukkan instrumen kajian ini mencapai nilai pekali kebolehpercayaan yang baik iaitu mencapai nilai alpha (*a*) = 0.873. Oleh kerana nilai alpha cronbach bagi pemboleh ubah ini melebihi 0.6, maka instrumen kajian ini mempunyai ketekalan dan kebolehpercayaan yang baik serta boleh diterima.

Pembahasan

Bahagian ini bertujuan untuk mengkaji ciri-ciri personaliti bapa yang diharapkan oleh anak-anak dalam keluarga. Terdapat 15 item yang dibentuk berdasarkan ciri-ciri personaliti bapa mithali menurut perspektif Islam. Hasil kajian mendapati antara elemen dan ciri-ciri personaliti yang diharap dan diinginkan oleh anak-anak terhadap bapa mereka adalah melayani dan meluangkan masa bersama, prihatin perkembangan anak-anak, penyayang, bersikap adil antara anak-anak, mempamerkan contoh teladan yang baik dan mengajak ahli keluarga ke arah kebaikan serta mencegah kemungkaran.

Dapatan kajian menunjukkan item yang mendapat nilai min tertinggi adalah ‘Saya suka jika bapa saya bersiar-siar dan makan angin bersama keluarga’ (min=3.75), ‘Saya suka jika bapa saya seorang yang penyayang’ (min=3.74), ‘Saya suka jika bapa saya bersikap adil antara saya dan adik-beradik yang lain’ (min=3.70), ‘Saya suka jika bapa saya menunjukkan contoh teladan yang baik kepada saya’ (min=3.65), ‘Saya suka jika bapa saya tahu bakat dan kelebihan diri saya’ (min=3.63), ‘Saya suka jika bapa saya bukan seorang yang mudah marah’ (min=3.57), ‘Saya suka jika bapa saya bergurau-gurau bersama saya’ (min=3.54), ‘Saya suka jika bapa saya meluangkan masa berkomunikasi bersama saya’ (min=3.52), ‘Saya suka jika bapa saya memuji tingkah laku saya

yang baik' (min=3.51), 'Saya suka jika bapa saya pergi ke surau bersama saya' (min=3.51), 'Saya suka jika bapa saya memahami dan prihatin apabila saya mempunyai masalah dan sedang bersedih' (min=3.51), 'Saya suka jika bapa saya mendengar pandangan saya sebelum menghukum saya' (min=3.49), 'Saya suka jika bapa saya berbincang dengan saya sebelum membuat keputusan' (min=3.46), 'Saya suka jika bapa saya menonton TV bersama saya' (min=3.41) dan item 'Saya suka jika bapa saya mengambil tahu prestasi akademik saya' (min=3.41).

Analisis berdasarkan peratus pula mendapati majoriti responden 98.7% (448 orang) dalam kajian ini bersetuju pada item 'Saya suka jika bapa saya seorang yang penyayang', diikuti item 'Saya suka jika bapa saya bersiar-siar dan makan angin bersama keluarga' (98.3%, 446 orang), 'Saya suka jika bapa saya menunjukkan contoh teladan yang baik kepada saya' (98.2%, 446 orang), 'Saya suka jika bapa saya bersikap adil antara saya dan adik-beradik yang lain' (98%, 445 orang), 'Saya suka jika bapa saya tahu bakat dan kelebihan diri saya' (96.5%, 438 orang), 'Saya suka jika bapa saya berbincang dengan saya sebelum membuat keputusan' (96.1%, 436 orang), 'Saya suka jika bapa saya bukan seorang yang mudah marah' (95.9%, 435 orang), 'Saya suka jika bapa saya mendengar pandangan saya sebelum menghukum saya' (95.6%, 434 orang), 'Saya suka jika bapa saya meluangkan masa berkomunikasi bersama saya' (95.5%, 434 orang), 'Saya suka jika bapa saya bergurau-gurau bersama saya' (94.9%, 431 orang), 'Saya suka jika bapa saya memuji tingkah laku saya yang baik' (94.7%, 430 orang), 'Saya suka jika bapa saya pergi ke surau bersama saya' (94.3%, 428 orang), 'Saya suka jika bapa saya memahami dan prihatin apabila saya mempunyai masalah dan sedang bersedih' (91.4%, 415 orang), 'Saya suka jika bapa saya mengambil tahu prestasi akademik saya' (90.6%, 411 orang) dan item 'Saya suka jika bapa saya menonton TV bersama saya' (88.7%, 403 orang).

Bil	Penyataan	Peratus (%) & Kekerapan (N)					Min
		Sangat Tidak Benar Dengan Diri Saya	Tidak Benar Dengan Diri Saya	Benar Dengan Diri Saya	Sangat Benar Dengan Diri Saya		
1	Saya suka jika bapa saya memuji tingkah laku saya yang baik	0.9% (4)	4.4% (20)	37.2% (169)	57.5% (261)	3.5 1	
2	Saya suka jika bapa saya berbincang dengan saya sebelum membuat keputusan	0.7% (3)	3.3% (15)	45.4% (206)	50.7% (230)	3.4 6	
3	Saya suka jika bapa saya mendengar pandangan saya sebelum menghukum saya	0.4% (2)	4.0% (18)	41.9% (190)	53.7% (244)	3.4 9	
4	Saya suka jika bapa saya menunjukkan contoh teladan yang baik kepada saya	0	1.8% (8)	31.5% (143)	66.7% (303)	3.6 5	
5	Saya suka jika bapa saya pergi ke surau bersama saya	2.0% (9)	3.7% (17)	35.9% (163)	58.4% (265)	3.5 1	
6	Saya suka jika bapa saya bersikap adil antara saya dan adik-beradik yang lain	0.7% (3)	1.3% (6)	25.8% (117)	72.2% (328)	3.7 0	
7	Saya suka jika bapa saya seorang yang penyayang	0	1.3% (6)	22.9% (104)	75.8% (344)	3.7 4	
8	Saya suka jika bapa saya bukan seorang yang mudah marah	1.1% (5)	3.1% (14)	33.3% (151)	62.6% (284)	3.5 7	
9	Saya suka jika bapa saya meluangkan masa berkomunikasi bersama saya	0.4% (2)	4.0% (18)	38.5% (175)	57.0% (259)	3.5 2	
10	Saya suka jika bapa saya bergurau-gurau bersama saya	0.7% (3)	4.4% (20)	34.8% (158)	60.1% (273)	3.5 4	
11	Saya suka jika bapa saya menonton TV bersama saya	1.8% (8)	9.5% (4.3)	35.2% (160)	53.5% (243)	3.4 1	
12	Saya suka jika bapa saya bersiar-siar dan makan angin bersama keluarga	0.2% (1)	1.5% (7)	21.6% (98)	76.7% (348)	3.7 5	
13	Saya suka jika bapa saya mengambil tahu prestasi akademik saya	1.3% (6)	8.1% (37)	38.8% (176)	51.8% (235)	3.4 1	
14	Saya suka jika bapa saya tahu bakat dan kelebihan diri saya	0.2% (1)	3.3% (15)	30.2% (137)	66.3% (301)	3.6 3	
15	Saya suka jika bapa saya memahami dan prihatin apabila saya mempunyai masalah dan sedang bersedih	1.3% (6)	7.3% (33)	30.6% (139)	60.8% (276)	3.5 1	

Sumber: Soal Selidik 2016

Analisis kajian secara umum mendapati ciri-ciri dan elemen personaliti bapa yang diharapkan dan diinginkan oleh anak-anak dalam sesbuah keluarga adalah selari dan menepati tuntutan Islam terhadap bapa. Sehubungan itu, para bapa yang mengamalkan personaliti baik menurut al-Quran dan al-Sunah sudah

pasti dapat memenuhi harapan dan kemahuan anak-anak terhadap bapa dalam keluarga. Hasil analisis menunjukkan personaliti utama yang diinginkan oleh anak-anak terhadap bapa mereka adalah melayani dan meluangkan masa bersama dengan cara bersiar-siar dan makan angin ($\text{min}=3.75$) mencapai (98.3%, 446 orang). Keinginan anak-anak adalah selari dengan tulisan¹¹, yang menyatakan bahawa seorang bapa yang baik akan sentiasa mencari peluang untuk menghabiskan masa bersama-sama anak dan ahli keluarga sama ada melakukan aktiviti bersama, bermain, berkomunikasi dan sebagainya.¹² Dapatan ini turut disokong yang menjelaskan bahawa remaja¹³ mahukan ibu bapa yang berminat dengan kegiatan mereka dan sentiasa ada bersama apabila diperlukan sebagai tempat mengadu dan meluahkan perasaan. Ini bermakna ibu bapa hendaklah sentiasa mengambil berat tentang segala kegiatan anak-anak dan cuba untuk mencari waktu melakukan aktiviti bersama. Jika dipenuhi, sikap positif akan terpancar dari dalam diri mereka. Dalam tulisannya bertajuk '*What The Parents Should Do*', telah mengajukan persoalan berbentuk '*reverse psychology*' iaitu sekiranya ibu bapa tidak melayani anak-anak mereka dengan penuh tanggungjawab dan kasih sayang, maka bagaimana ibu bapa dapat menganggap anak-anak akan melayani mereka dengan baik.¹⁴

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju dengan item 'Saya suka jika bapa saya seorang yang penyayang' ($\text{min}=3.74$) mencapai 98.7% (448 orang) sebagai personaliti yang diharapkan oleh anak-anak terhadap bapa mereka. Dapatan ini disokong yang menyatakan bahawa bapa yang baik akan melayani dan mengasuh anak-anak dengan penuh kasih sayang, cinta, keramahan dan kelembutan.¹⁵ Nabi Muhammad SAW sendiri sangat menyayangi anak-anak, malah baginda seringkali bermain dengan kedua-dua cucu baginda iaitu Hasan dan Husin seperti menggendong mereka, memangku, mendudukkan mereka di atas kedua bahunya dan mencium mereka.¹⁶ Terdapat dua hadis yang boleh diketengahkan dalam konteks layanan

¹¹ Abdul Aziz Ismail, *Indahnya Akhlak Warisan Rasulullah* (Kuala Lumpur: Power Press & Design, 2013).

¹² Abdul Aziz Ismail.

¹³ Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub, *Psiikologi Personaliti*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006).

¹⁴ Akhlaq Husain, *Muslim Parents Their Rights and Duties* (Delhi: S. Sajid Ali Adam Publishers & Distributors, 1995).

¹⁵ al-Istambuli, Muhammad Mahdi & al-Syilbi, Musthafa Abu Nashr, *Isteri Dan Puteri Rasulullah* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2010).

¹⁶ Hadad Alwi, *Uswatun Hasanah* (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2011).

penuh kasih sayang Nabi SAW terhadap kanak-kanak. Pertama, Rasulullah SAW mencium Hasan dan Husin di hadapan al-Aqra bin Hubais al-Tamimi yang ketika itu berada di rumah baginda. Kemudian, al-Aqra berkata:

إِنَّ لِي عَشَرَةً مِّنَ الْوَلَدِ مَا قَبْلَتُ مِنْهُمْ أَحَدًا . فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . ثُمَّ قَالَ :
مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرَحَّمُ

Maksudnya:

Ya Rasulullah, aku mempunyai sepuluh orang anak, tetapi aku belum pernah sama sekali mencium seorang daripada mereka. Kemudian, Rasulullah SAW menatap wajah al-Aqra lalu bersabda, "Siapa yang tidak menyayangi, maka dia tidak akan disayangi".

(*Sahib al-Bukhari*: Kitab al-Adab, Bab Rahmah al-Walid wa Ta'ilihi wa Mua'naqatihi, Hlm. 5565)

Kedua, semasa Rasulullah SAW mengimamkan solat jemaah di masjid dalam keadaan sujud, Hasan dan Husin yang masih kecil memanjang belakang Rasulullah SAW. Baginda sengaja memperlakukan sujud supaya kedua cucunya itu turun dari belakang. Selesai solat, para sahabat bertanya mengapa Rasulullah SAW sujud begitu lama. Rasulullah SAW menjawab, "*Tadi kedua cucuku naik ke atas belakangku, dan aku tidak mahu menganggu kesenangan mereka. Maka aku menunggu sehingga keduanya turun*". Berdasarkan kedua-dua kisah tersebut memperlihatkan rasa cinta dan kasih sayang Nabi kepada anak-anak.¹⁷ Baginda bukan sahaja kasih terhadap cucu baginda sahaja,¹⁸ bahkan terhadap anak-anak sahabat yang lain. Baginda sering menggendong mereka, memangku dan mengusap-usap kepala anak-anak tersebut.¹⁹ Justeru, bapa perlu bijak mempamerkan kasih sayang terhadap anak-anak sebagaimana teladan baginda Rasulullah SAW supaya anak-nak cukup kasih sayang dan gembira sekali gus mampu meningkatkan motivasi diri.

Selain itu, analisis kajian mendapati personaliti bapa yang diharapkan oleh anak-anak dalam keluarga adalah bersikap adil antara anak-anak ($\text{min}=3.70$) mencapai (98%, 445 orang). Ini selari dengan pandangan yang menjelaskan bahawa seorang bapa yang baik perlu bersikap adil kepada anak-anak dalam semua aspek seperti pemberian kasih sayang, pendidikan, keperluan

¹⁷ Ali Qutb, Muhammad, *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Hajji Abdul Majid., 1992).

¹⁸ Ahmad Zahruddin, *Hebatnya Rasulullah Teladani Peribadi & Pengurusan Kekasih Allah*. (Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd, 2013).

¹⁹ Hadad Alwi, *Uswatun Hasanah*.

asas, makanan, tempat tinggal dan sebagainya. Adil terhadap anak-anak merangkumi tidak melebihkan anak yang cantik berbanding kurang cantik, anak yang lebih pandai berbanding kurang pandai, lebih mengutamakan anak lelaki daripada anak perempuan.²⁰ Perbuatan tersebut adalah tidak adil dan bersikap pilih kasih, malah dianggap zalim kepada anak-anak. Ia juga akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap anak yang tersisih tersebut seperti perasaan dendam, sakit hati, cemburu, dengki dan permusuhan. Tambahan pula, bapa sendiri tidak tahu siapa di antara anak-anaknya yang akan memberi manfaat kepadanya bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat. Hal ini disebabkan anak soleh hasil asuhan ibu bapa dapat memberi keuntungan kepada mereka apabila amal kebaikan yang dijalankan oleh anak tersebut dapat membantu ibu bapanya meskipun telah meninggal dunia, kiriman pahala dari anaknya tidak putus-putus seperti sabda Rasulullah SAW:

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ اتْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ
أَوْ لِمَنْ صَدَقَتِ جَارِيَةٌ . أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ
صَالِحٌ يَدْعُوهُ

Maksudnya:

Jika meninggal seorang anak Adam, terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak saleh yang mendoakannya.

(*Sahib Muslim*: Kitab al-Wasiat, Bab Ma Yalhik al-Insan Min al-Thawab Ba'da Wafatih, Hlm. 3092)

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa antara personaliti bapa yang diinginkan oleh anak-anak untuk diaplikasikan dalam keluarga adalah mempamerkan contoh teladan yang baik ($\text{min}=3.65$) mencapai (98.2%, 446 orang). Ini selari dengan tulisan yang menyatakan bahawa pendidikan adab atau akhlak yang diberikan kepada anak-anak adalah penting, namun sifat-sifat tersebut tidak akan terbentuk pada anak-anak, kecuali bapa bersikap baik terlebih dahulu.²¹ Hal ini disebabkan anak-anak sering mengikut dan meniru perbuatan atau percakapan bapa dan ahli keluarga yang lain sama ada baik maupun jahat.²² Menjelaskan sekiranya ibu dan bapa khususnya menginginkan

²⁰ Ahmad Ghlib, *Membina Generasi Berakhlak* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher., 1998).

²¹ Asmawati Suhidn, *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam, Konsep Dan Amalan*. (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2009).

²² Abdullah Nasih Ulwan, *Tarbiyatul Aulad Fi Al-Islam* : Terj. Syed Ahmad Semait (Singapura: Pustaka National, 1988).

anak-anak berkelakuan baik, berkata benar, beramanah, *'iffah* dan rahmat serta menjauhi kebatilan, maka mereka perlu menunjukkan contoh teladan yang baik dalam kebijakan, melengkapkan diri dengan akhlak mulia, berkata benar dan baik, menjaga adab pergaulan sosial, menjauhi kejahanatan, menyingsirkan sifat tercela, dan meninggalkan perkara yang dipandang hina di sisi Allah SWT.²³

Mempamerkan teladan yang baik akan memberi kesan yang positif terhadap jiwa anak-anak kerana mereka sentiasa memerhatikan tingkah laku ibu dan bapa mereka.²⁴ Justeru, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan anak-anak mereka. Bapa sebagai 'role model' kepada anak-anak perlu berusaha mencontohi dan mengaplikasi akhlak mulia Rasulullah SAW serta menjadikan sunnah praktikal Rasulullah SAW dalam keluarga sebagai rujukan kerana baginda adalah *qudwah* bapa mithali sepanjang zaman bahkan model personaliti Muslim yang harus dicontohi oleh semua umat Islam²⁵. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, 33:21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ مِّنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Artinya:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, yaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik (Hari Akhirat), serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Sementara itu, hasil kajian mendapati item 'Saya suka jika bapa saya bukan seorang yang mudah marah' ($\text{min}=3.57$) mencapai (95.9%, 435 orang). Hal ini menunjukkan hampir keseluruhan responden kajian ini yang terdiri daripada anak-anak tidak suka jika bapa mereka bersifat panas baran. Ini disokong oleh Abdul Qadir (t.t:46) yang menjelaskan bahawa perasaan marah merupakan suatu sifat tercela yang paling banyak membawa kebinasaan dan seterusnya mendorong anggota tubuh badan yang bertindak memukul, memaksa dan akhirnya membunuh. Oleh itu, sifat marah yang jelas dapat memberi implikasi buruk kepada anak-anak sewajarnya tidak diamalkan dan ditonjolkan dalam personaliti sebagai seorang bapa. Hal ini juga turut dinyatakan oleh Wan Hamzah bahawa kanak-kanak semasa kecil sememangnya

²³ Abdul Munir Ismail, *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam* (Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014).

²⁴ Mohd Azrul Azlen, "Rasulullah SAW Bapa Mithali," *Solusi Isu* 8 (2013): 5–86.

²⁵ Ahmad Zahiruddin, *Hebatnya Rasulullah Teladani Peribadi & Pengurusan Kekasih Allah*.

banyak kerena dan kehendak mereka tetapi ibu dan bapa perlulah bersabar melayani kerena anak-anak termasuklah mengawal perasaan marah terhadap tingkah laku nakal anak-anak. Hal ini disebabkan sifat sabar mempunyai nilai yang besar terhadap agama dan akhlak individu²⁶ bahkan menahan kemarahan adalah perlakuan yang amat baik dan terpuji seperti mana dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah ali-Imran, 3:134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالصَّرَاءِ وَالْكَظِيمَنَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.

Tindakan yang wajar dilakukan untuk mengawal sifat marah atau panas baran adalah dengan membaca *istia'zah* kerana sifat marah berpunca daripada syaitan.²⁷ Jika kemarahan masih belum reda, hendaklah duduk jika berdiri. Seterusnya jika belum reda, hendaklah berbaring. Tetapi jika kemarahan berlarutan dan sukar reda ketika duduk mahupun baring, hendaklah mengambil air sembahyang sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ الْغَضَبَ مِنَ الشَّيْطَانِ . وَإِنَّ الشَّيْطَانَ خَلَقَ مِنَ النَّارِ . وَإِنَّمَا تُنْظَفُ النَّارُ بِالْمَاءِ . فَإِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ . فَلَيَتَوَضَّأْ

Maksudnya:

Sesungguhnya marah itu berasal dari syaitan, dan sesungguhnya syaitan itu diciptakan dari api, sedangkan api hanya dapat dipadamkan dengan air. Oleh karena itu, apabila seorang dari kalian marah, maka hendaklah ia berwudhu.

(*Sunan Abu Daud: Kitab al-Adab, Bab Ma Yuqal 'inda al-Ghadab*, Hlm. 4154)

Dapatkan kajian juga menunjukkan antara personaliti yang diharapkan oleh anak-anak terhadap bapa mereka adalah berdakwah amar makruf nahi mungkar melalui item ‘Saya suka jika bapa saya berbincang dengan saya sebelum membuat keputusan’ (min=3.46) mencapai (96.1%, 436 orang). Bapa sebagai ketua keluarga harus mempraktikkan amalan dakwah dalam keluarga. Bapa seharusnya menasihati anak-anak melakukan perkara kebaikan dan

²⁶ Johari Alias, *Asas Pendidikan Akhlak* (Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1997).

²⁷ Abdul Qadir. t.t, *Akhlaq Yang Murni* (Johor: Perniagaan Jahabersa, n.d.).

menjauhkan diri daripada melakukan kemungkaran dan maksiat kepada Allah SWT kerana bapa merupakan individu yang memegang amanah untuk membimbing keluarga dan menjauhkan keluarga dari api neraka sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Tahrim, 66:6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوَا أَنْفَسَكُمْ وَأَهْلِيْكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْجَحَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَغْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَغْعَلُونَ مَا يُؤْمِنُونَ

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya : manusia dan batu (berhala), neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala hal yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Dalam konteks dakwah, bapa digalakkan membudayakan pendekatan berbincang dan musyawarah bersama dengan anak-anak sebelum memutuskan sesuatu keputusan agar tidak timbul pemahaman dan pengertian yang salah. Hal ini seperti mana yang telah dilakukan oleh Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail ketika baginda bermimpi untuk menyembelih anaknya yang diyakini sebagai perintah Allah SWT. Hasil perbincangan kedua-duanya, mereka melaksanakan ketentuan dan suruhan Allah SWT tersebut dengan penuh keikhlasan.²⁸ Dakwah yang disampaikan sama ada melalui perbincangan atau sebagainya mestilah bertujuan untuk memberi pendidikan kepada anak-anak melalui cara tegas tetapi penyayang dan konsisten, dimulai dengan memberikan nasihat dengan menggunakan uslub yang lembut, kata-kata yang halus dan hikmah yang tinggi.²⁹ Dakwah juga perlu disampaikan dengan melihat kepada waktu atau masa tertentu. Bapa yang baik akan memilih waktu yang sesuai untuk menasihati anak-anak kerana ia mempunyai kesan yang besar ke atas anak-anak.³⁰ Hal ini disebabkan Rasulullah SAW sangat cermat dalam memilih dan memanfaatkan masa yang sesuai untuk menasihati anak-anak baginda seperti dalam perjalanan, pada waktu makan dan ketika sakit.³¹ Oleh yang demikian, ciri-ciri personaliti bapa yang sebegini diinginkan oleh anak-anak dalam keluarga.

²⁸ Dedhi Suharto. t.t, *Keluarga Qur'ani* (Synergy Media, n.d.).

²⁹ al-Zuhaili, Wahbah, *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Al-Syafie* (Damsyiq: Dar al-Qalam, 2010).

³⁰ Mohd Azrul Azlen, "Rasulullah SAW Bapa Mithali."

³¹ Muhammad Rasyid Dimas, *Kaedah & Cara Melentur Jiwa Dan Minda Anak* (Selangor: Pustaka Dini, n.d.).

Simpulan

Secara kesimpulan, hasil kajian menunjukkan antara elemen dan ciri-ciri personaliti yang diharap dan diinginkan oleh anak-anak terhadap bapa mereka adalah melayani dan meluangkan masa bersama, penyayang, prihatin perkembangan anak-anak sama ada bakat keupayaan, prestasi akademik, masalah yang dihadapi, bersikap adil antara anak-anak, mempamerkan contoh teladan yang baik dan mengajak ahli keluarga ke arah kebaikan serta mencegah kemungkaran. Hal ini berikutan skor min setuju yang dicatatkan kesemuanya berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, kajian juga mendapati ciri personaliti utama yang diidamkan oleh anak-anak terhadap bapa mereka ialah melayani anak-anak dengan penuh kasih sayang serta dapat meluangkan masa melakukan aktiviti bersama.

Implikasi kajian diharap dapat memberikan motivasi kepada kaum bapa untuk mengetahui seterusnya melaksanakan hasrat, idaman, keinginan dan harapan anak-anak dalam usaha membina keluarga yang bahagia. Tambahan pula, personaliti kebapaan yang diketahui dan diamalkan dalam keluarga diharap dapat membimbang masyarakat Muslim ke arah kesejahteraan dalam hidup malah berupaya mengatasi masalah berkaitan rumah tangga dan kekeluargaan yang banyak berlaku pada masa kini terutama dari aspek pengabaian hak-hak anak. Kesemua usaha ini diharap dapat membantu para bapa untuk memiliki personaliti bapa yang baik sepertimana Rasulullah SAW. Kajian juga mencadangkan pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal kekeluargaan di Malaysia seperti LPPKN, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sebagainya agar menerapkan input dan ilmu tentang ciri-ciri personaliti bapa yang baik menurut perspektif Islam khususnya personaliti bapa yang diharapkan oleh anak-anak dalam program-program keibubapaan dan kekeluargaan yang dianjurkan.

Daftar Pustaka

- Alias, Johari. *Asas Pendidikan Akhlak*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1997.
- Alwi, Hadad. *Uswatun Hasanah*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2011.
- Azlen, Mohd Azrul. "Rasulullah SAW Bapa Mithali." *Solusi Isu* 8 (2013): 5–86.
- Broberg, G. C. "Fatherhood: Rediscovered in Empirical Research." *Family Perspective* 22 (n.d.): 75–85.

- Clark, M. R. *Family Life and School Achievement: Why Poor Black Children Succeed or Fail*. Dlm. A. T. Henderson & N. Berla (Pnyt.), *A New Generation of Evidence: The Family Is Critical to Student Achievement*. New York: National Committee for Citizen in Education., 1994.
- Culp, R.E., Schadle, S., Robinson, L., & Culp. A.M. "Relations Among Parental Involvement and Young Children's Perceived Self Competence and Behavioral Problems." *Journal of Child and Family Studies*, 1, 9 (n.d.): 27–38.
- Dimas, Muhammad Rasyid & Cara Melentur Jiwa Dan Minda Anak. Selangor: Pustaka Dini, n.d.
- Elias, Habibah & Noran Fauziah Yaakub. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Easterbrooks, M.A. dan Goldbergh, W. A. *Toddler Development in the Family: Impact of Father Involvement and Parenting Characteristics*, 1984.
- Ghalib, Ahmad. *Membina Generasi Berakhlak*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher., 1998.
- Grimm-Thomas, K. dan Perry-Jenkins, M. "Job Experiences, Self-Esteem, and Fathering in Working-Class Families." *Family Relationship*, n.d., 174–81.
- Hamsari, Nurul Ain & Azizi Yahaya. "Peranan Motivasi Pembelajaran, Gaya Keibubapaan Dan Sikap Dengan Pencapaian Akademik." *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 2012, 30–57.
- Husain, Akhlaq. *Muslim Parents Their Rights and Duties*. Delhi: S. Sajid Ali Adam Publishers & Distributors, 1995.
- Ismail, Abdul Aziz. *Indahnya Akhlak Warisan Rasulullah*. Kuala Lumpur: Power Press & Design, 2013.
- Ismail, Abdul Munir. *Dakwah Suatu Tuntutan Dalam Islam*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2014.
- al-Istambuli, Muhammad Mahdi & al-Syilbi, Musthafa Abu Nashr. *Isteri Dan Puteri Rasulullah*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2010.
- Othman, Nooraini & Salasiah Khairullah. "Explorasi Hubungan Antara Personaliti Islamik Dan Gaya Keibubapaan." *International Journal of Islamic Thought* 4 (2013): 48–57.
- Qadir, Abdul. t.t. *Akhhlak Yang Murni*. Johor: Perniagaan Jahabersa, n.d.
- Qutb, Muhammad Ali. *Mutiara Perkahwinan Menurut Ajaran Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid., 1992.

- Radin, N. Williams, E., dan Coggins, K. "Paternal Involvement in Childbearing and the School Performance of Native American Children: An Exploratory Study." *Family Perspective*, 4, 27 (1993): 375–91.
- Suharto, Dedhi. *Keluarga Qur'ani*. Synergy Media, n.d.
- Suhidn, Asmawati. *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam, Konsep Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2009.
- Ulwan, Abdullah Nasih. *Tarbiyatul Aulad Fi Al-Islam : Terj. Syed Ahmad Semait*. Singapura: Pustaka National, 1988.
- Yahaya, Azizi & Mohd Sofie Bahari. *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku*. Universiti Teknologi Malaysia, 2010.
- Zahiruddin, Ahmad. *Hebatnya Rasulullah Teladani Peribadi & Pengurusan Kekasih Allah*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd, 2013.
- al-Zuhaili, Wahbah. *Al-Mu'tamad Fi Al-Fiqh Al-Syafie*. Damsyiq: Dar al-Qalam, 2010.